

TARIKH : 19 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 22
SURAT

Bantuan tunai 'terapi jangka panjang' ekonomi Malaysia



Bantuan tunai 'terapi jangka panjang' ekonomi Malaysia

Kerajaan dijangka kekal pemberian kepada rakyat imbangi kesan ketidaktentuan ekonomi global

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan dijangka terus mengekalkan dan menambah baik pemberian bantuan tunai kepada golongan yang memerlukan sebagai alat sokongan kepada permintaan domestik bagi tempoh separuh dekad akan datang di sebalik ketidaktentuan luaran.

BIMB Securities Research dalam satu laporan khas berkata, langkah itu dilihat penting bagi mengimbangi kesan persekitaran

ekonomi global yang tidak menentu serta memastikan pertumbuhan penggunaan domestik kekal berdaya tahan.

Katanya, bantuan tunai yang pada asalnya bersifat jangka pendek kini menjadi satu bentuk 'terapi jangka panjang' dalam landskap sosioekonomi Malaysia.

"Keperluan untuk membantu kumpulan berpendapatan rendah bukan sahaja mendesak dari segi kebajikan sosial, malah kritikal dalam mengekalkan momentum perbelanjaan pengguna sebagai penyumbang utama ekonomi.

"Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka berkembang antara 4.5 hingga 5.5 peratus setahun dalam tempoh 2026 hingga 2030, dengan kekuatan permintaan domestik menjadi pemacu utama.

"Tanpa bantuan berterusan, perbelanjaan isi rumah mungkin terjejas akibat tekanan kos sara hidup dan ketidaktentuan ekonomi global," kata firma penyelidikan pasaran itu dalam laporan

yang disediakan penganalisis, Zafri Zulkeffeli dan Amiratul Husna.

BIMB Securities Research berkata, sejak diperkenalkan pada 2012 melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), skim bantuan tunai berkembang daripada peruntukan RM2.2 bilion kepada RM15 bilion pada 2025.

"Program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan pecahannya, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) menjadi tulang belakang mekanisme perlindungan sosial negara.

"Malah, kerajaan turut memperuntukkan tambahan RM2 bilion tahun ini bagi memberi RM100 kepada semua rakyat dewasa melalui MyKad, yang boleh digunakan di lebih 4,100 premis dengan lebih 90,000 produk tersenarai antara 31 Ogos hingga 31 Disember," katanya.

Rangsang rantaian ekonomi

BIMB Securities berkata, penerima di seluruh dunia lazimnya lebih mengutamakan bantuan

tunai berbanding bantuan berbentuk barangan kerana ia memberi kawalan dan fleksibiliti lebih besar.

"Ia membolehkan penerima membuat keputusan perbelanjaan mengikut keperluan sebenar, selain memberi respons pantas terhadap situasi mendesak," jelas laporan itu.

Ia menambah, penggunaan tunai dalam komuniti tempatan turut merangsang rantaian ekonomi domestik.

Di negara ini, data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan nisbah kos kepada pendapatan (CIR) isi rumah meningkat melepasi paras 80 peratus pada 2022, berbanding kekal di bawah paras itu sebelum pandemik.

Hanya Selangor dan Labuan merekodkan penurunan nisbah berkenaan selepas pandemik, manakala kebanyakan negeri lain berdepan tekanan akibat pertumbuhan pendapatan yang perlahan berbanding kenaikan kos sara hidup.

Situasi ini mengukuhkan lagi keperluan bantuan tunai sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun akan datang.

Dalam perbandingan serantau, Malaysia meningkatkan peruntukan bantuan tunai daripada 0.33 peratus berbanding KDNK pada 2019 kepada 0.53 peratus pada 2024.

Brazil mencatatkan lonjakan lebih ketara, iaitu daripada 0.42 peratus kepada 1.43 peratus.

Sebaliknya, Indonesia dan Filipina dilihat mengurangkan bahagian peruntukan bantuan tunai mereka, menandakan perbezaan dalam keutamaan dasar sosial setiap negara.

Antara bantuan tunai dilaksanakan di negara lain adalah Bolsa Familia (Brazil), PROGRESA (Mexico), Old-Age Pension (Afrika Selatan), Familias en Accion (Colombia), Livelihood Empowerment Against Poverty (Ghana), Pantawid Pamilyang Program (Filipina) dan Program Keluarga Harapan (Indonesia).